



## SIARAN MEDIA

### PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN TAHUN 2023 MYMPS

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) melalui Jabatan Pelesenan akan membuka kaunter MyMPS bagi pembaharuan lesen perniagaan tahun 2023 di Lobi Menara MPS pada 27 hingga 31 Disember 2022. Waktu pengoperasian pada hari Selasa hingga Jumaat bermula pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang, manakala pada hari Sabtu bermula pukul 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Semua pemegang lesen premis perniagaan juga boleh membuat pembaharuan dan pembayaran lesen perniagaan masing-masing secara dalam talian menerusi pautan <https://mymps.mps.gov.my>. Walau bagaimanapun, maklumat pemegang lesen perniagaan perlu dikemaskini terlebih dahulu menerusi pautan <https://lesendigital.mps.gov.my/> dan seterusnya melakukan pembayaran di MyMPS. Di samping itu juga, pemegang lesen premis perniagaan juga boleh mencetak sendiri lesen yang telah diperbaharui.

Namun, bagi pemegang lesen minuman keras, *billboard*, Kilang Tanpa Kebenaran (KTK), refleksologi, pusat siber, hotel, barang lusuh dan kuari, proses bayaran perlu dibuat melalui MyMPS dan perlu hadir ke Jabatan Pelesenan MPS untuk mengambil lesen perniagaan mereka. Semua pemilik premis perniagaan diharap dapat membuat bayaran pembaharuan lesen perniagaan sebelum atau pada 31 Disember 2022 bagi mengelakkan caj fi proses lewat sebanyak 10% daripada jumlah aktiviti lesen dikenakan kepada mereka.

Untuk makluman, bagi tempoh 1 Januari hingga 30 November 2022, MPS telah berjaya memperolehi kutipan hasil sebanyak RM7,852,844 iaitu 43.16% daripada jumlah yang disasarkan iaitu sebanyak RM18,192,704.

#TAMAT#

#### Dikeluarkan Oleh:

Unit Perhubungan Awam  
Jabatan Korporat

b.p. Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang  
**28 Disember 2022**